

15 OCT 1998

PERDANA MENTERI BERLEPAS KE JEPUN (Bergambar)

SEPANG, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Tokyo dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini malam ini untuk lawatan kerja selama lima hari ke Jepun.

Beliau diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Semasa di sana, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka, tokoh-tokoh bank dan cendekiawan negara matahari terbit itu.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli Pertubuhan Persekutuan Ekonomi Jepun (Keidanren).

Dr Mahathir dijadualkan bertemu dengan rakan sejawatannya Keizo Obuchi dan mengadap Maharaja Akihito pada Isnin.

Beliau juga dijadualkan menemui para pelajar dan kakitangan kedutaan Malaysia.

--BERNAMA

APG oba